

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN ALICE LAU KIONG YIENG  
[ LANANG ]**

**TARIKH : 12 OKTOBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN :**

**YB Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang] minta PERDANA MENTERI menyatakan :-**

- (a) kesan dan impak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 1.0, PKP 2.0, PKP 3.0 dan Darurat (selama 7 bulan) yang boleh dianggap telah pun gagal dengan peningkatan kes COVID-19 yang tidak terkawal; dan
- (b) apakah langkah seterusnya untuk mengatasi kesan negatif terhadap ekonomi dan sosial akibat pelaksanaan PKP-PKP dan darurat tersebut.

**JAWAPAN**

**YB DATUK DR. ABD LATIFF BIN AHMAD  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(TUGAS-TUGAS KHAS)**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Kerajaan sentiasa mengambil pendekatan mengimbangi antara kepentingan kesihatan rakyat dan kelangsungan ekonomi negara sepanjang tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 1.0, PKP 2.0, PKP 3.0 dan juga Darurat. Pelaksanaan PKP dan Darurat yang telah dilaksanakan pihak Kerajaan ini adalah perlu untuk mengawal penularan wabak COVID-19.
3. Pihak Kerajaan telah melaksanakan pakej-pakej rangsangan ekonomi bagi mengimbangi kesan penutupan beberapa sektor semasa pelaksanaan PKP dan Darurat. Melalui pakej-pakej rangsangan ekonomi ini, Kerajaan berjaya mencapai kadar penguncupan Keluaran dalam Negara Kasar (KDNK) yang lebih kecil.
4. Kerajaan juga menyasarkan impak ekonomi seperti yang berlaku semasa suku kedua 2020 tidak akan berulang memandangkan lebih banyak aktiviti ekonomi dibenarkan untuk beroperasi dalam tempoh pelaksanaan Pelan Pemulihan Negara pada kali ini.
5. Dalam hal ini, pernyataan yang mengatakan pelaksanaan PKP dan Darurat telah gagal dengan peningkatan kes COVID-19 yang tidak terkawal adalah kurang tepat. Terdapat kebaikan-kebaikan yang jelas kesan daripada pelaksanaan PKP dan Darurat yang membolehkan Kerajaan melaksanakan tindakan mengukuhkan pengurusan kesihatan awam dengan lebih berkesan.

**Tuan Yang di-Pertua.**

6. Kerajaan juga telah membenarkan lebih banyak aktiviti ekonomi untuk terus beroperasi, khususnya di lima (5) sektor ekonomi perlu iaitu; pengilangan dan pembuatan, pembinaan, perkhidmatan, perdagangan pengedaran dan perladangan dan komoditi. Langkah ini adalah penting dalam memastikan kelancaran pembekalan keperluan asas harian, perdagangan antarabangsa dan rantai bekalan kepada industri, infrastruktur kritikal dan juga kerja-kerja kecemasan tidak terjejas.
5. Secara keseluruhannya, Kerajaan telah mengumumkan Pelan Pemulihan Negara (PPN) pada 15 Jun 2021 sebagai strategi peralihan keluar dari krisis pandemik COVID-19 secara teratur dan selamat. Di samping itu, Proklamasi Darurat yang berkuatkuasa mulai 11 Januari hingga 1 Ogos 2021 merupakan langkah proaktif yang mesti dilaksanakan bagi membendung dan menguruskan pandemik COVID-19 secara berkesan dan segera.
6. Dengan mengambil pendekatan '*Whole of Nation*', pelan dinamik ini telah dirangka dan akan sentiasa ditambah baik. Kerajaan berharap dengan adanya pelan yang komprehensif dan teratur ini, semua Keluarga Malaysia akan bersama-sama menggembeleng usaha membendung penularan wabak COVID-19 serta memulihkan semula kehidupan rakyat dan sektor ekonomi negara.

Sekian, terima kasih.